

01 NOV 2003

Pembangkok-Abdullah

PEMBANGKOK DAN NGO MENYAMBUK BAIK PELANTIKAN ABDULLAH

PULAU PINANG, 1 Nov (Bernama) -- DAP hari ini menyambut baik pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima negara dan juga mengucapkan selamat bersara kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Pengerusi Kebangsaan DAP Karpal Singh berkata dalam satu kenyataan di sini, hari ini, Pulau Pinang khususnya boleh berbangga kerana anak wataninya kini menerajui negara.

Menurut beliau, bagaimanapun keutamaan bagi Abdullah sekarang ini ialah memperbaiki rekod hak asasi manusia negara dan beliau juga perlu berusaha ke arah memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan semua undang-undang lain yang membenarkan penahanan tanpa perbicaraan.

"Sebagai Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Abdullah perlu pertimbangkan dengan serius untuk membebaskan semua tahanan politik di negara seperti yang dilakukan oleh Dr Mahathir selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 1981," kata Karpal.

Di KUALA TERENGGANU Naib Presiden PAS Datuk Mustafa Ali berharap Abdullah akan dapat menyelesaikan beberapa perkara tertangguh sewaktu tampuk pemerintahan Tun Dr Mahathir.

Baginya terdapat beberapa perkara yang masih belum selesai termasuklah berkaitan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, isu Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan kegagalan mencapai sasaran 30 peratus ekuiti oleh Bumiputera.

"Kita juga berharap Pak Lah juga tidak akan terlalu politiking sangat terutamanya dalam berurusan dengan Kerajaan Negeri yang tidak diperintah oleh Barisan Nasional (BN)," katanya selepas majlis pengisytiharan pengagihan pendapatan Amanah Saham Darul Iman (ASDI) hari ini.

Semalam Abdullah mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri bagi menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang berundur setelah menerajui negara selama 22 tahun.

Dalam soal hubungan dengan Kerajaan Negeri Mustafa berkata antara perkara yang perlu diteliti dan diperbaiki oleh Abdullah termasuklah penarikan royalti minyak kepada kerajaan Terengganu dan dalam soal pinjaman untuk pengurusan air.

"Kita juga nak lihat bagaimana PM baru ini yang juga merupakan Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Terengganu akan dapat membantu rakyat Terengganu," katanya.

Sementara itu Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yakin bahawa Abdullah akan terus melakukan perubahan besar dalam sistem pendidikan negara.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Mohamad berkata "sebagai bekas presiden GPMS, Datuk Seri Abdullah sudah tentu mampu melihat isu pendidikan dengan lebih telus dan berkesan ke arah meningkatkan lagi keupayaan negara melahirkan masyarakat berilmu.

"Apa yang kita harapkan ialah kesyukuran agama (Islam) mestilah menjadi asas kepada setiap perubahan dasar yang akan dibuat oleh beliau," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Terengganu hari ini.

Sambil mengucapkan tahniah atas pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima, Syed Anuar berkata Abdullah mempunyai kemampuan yang amat tinggi untuk meneruskan kecemerlangan yang telah dicapai Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Menurut beliau, dengan perwatakan yang sederhana, mudah didekati dan sentiasa mesra rakyat, Abdullah sudah tentu akan diterima dengan baik oleh

seluruh lapisan masyarakat di negara ini dan juga masyarakat antarabangsa.

"GPMS sendiri akan terus memberikan sokongan kepada Perdana Menteri dalam melaksanakan agenda pembangunan pendidikan negara untuk melahirkan generasi muda yang berwibawa.

-- BERNAMA

AYB HIS PR